




AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 34 RABU 22HB. OGOS, 1973 1393 رابو 23 رجب PERCHUMA

Belia bergerak aktif dalam menyahut seruan negara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Belia2 telah di-sitatkan sa-bagai golongan masyarakat yang progressif mempunyai konsep idea dan kemahuan untuk membangun serta bertugas sa-bagai ejen perubahan masyarakat.

Demikian di-tegaskan oleh Yang Di-Pertua MBB, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Katna Diraja Dato Seri Utama Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin di-upacara penyampaian rumusan Seminar Belia di-Pusat Belia pada malam Isnin lepas.

Kata-nya, belia2 telah bergerak sa-chara aktif dalam menyahut apa jua seruan negara terutama sekali memberikan buah fikiran dalam majlis dalilog mengenai Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun yang baru dan sa-chara tegas pula belia2 terus mengadakan seminar mengenai rancangan tersebut.

Yang Di-Pertua MBB itu menjelaskan, sungguh pun sumbangan belia2 itu terjalu kecil berbanding dengan nikmat dan kemudahan2 yang di-terima daripada Kerajaan sa-lama ini, tetapi semangat dan jiwa belia sangat-lah kuat dan kukuh untuk bersama2 membina Brunei Darus Salam sa-hingga menjadi negara yang benar2 aman, makmor yang di-redhi oleh Allah.

Pada memandang ka-hadapan belia2 memang sudah terbayang akan tanggung-jawab mereka untuk mengamalkan pesanan datok nenek kita 'ka-bukit sama di-daki, ka-lurah sama di-turuni'.

Seminar yang bertembungan 'BELIA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA' itu antara lain bertujuan untuk memikirkan dan membincangkan peranan belia2 dalam Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun bagi Negeri Brunei Darus Salam.

Di-samping itu ia-nya juga mencari masaalah pembangunan

(Lihat muka 8)



Kelihatan dalam gambar ini Pmk. S.U.K. Y.B. Dato Paduka Awg. Hj. Abd. Aziz sedang menerima rumusan seminar belia yang di-sampaikan oleh Pengerusi Seminar, Awg. Yahya bin Haji Ibrahim.

Memerhatikan di-sebelah kiri Y.B. itu ia-lah Yang Di-Pertua MBB sementara di-kanan sekali ia-lah S/Usaha Seminar, Ak. Yusof b. Pg. Anak Hashim dan Pen. S/Usaha, Awg. Ahmad b. Kadi. — Gambar ehsan DBP.

M.B.B. banyak menyumbangkan tenaga terhadap pembangunan negara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setia Usaha Agong Majlis Belia2 Negeri Brunei, Awang Yaakub bin Ahmad berkata bahawa Majlis Belia2 Negeri Brunei tidak akan berdiam diri untuk menyalurkan usaha2-nya bagi membantu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Awang Yaakub berkata demikian bagi pehak Yang Di-Pertua M.B.B., Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Katna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin ketika beliau merasmikan Seminar Belia yang berlangsung di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu lepas.

Awang Yaakub menegaskan, Majlis Belia2 Negeri Brunei merasa bertanggung jawab sa-bagai wakil Belia2 Negeri ini yang merupakan tenaga yang kuat dalam process pembangunan negara terutama sekali pada menyukong

Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun yang baru.

Pergerakan belia2 merupakan satu asset yang tidak semesti-nya di-abai2kan bagitu saja dan seminar yang di-adakan itu bertujuan bagi menyusun usaha-nya untuk mendukung sa-penoh rancangan kerajaan yang di-adakan itu benar2 memberikan faedah yang akan membuahkan rumusan2 membina.

Ketika menyentuh sejarah penubuhan Majlis Belia2, Awang Yaakub menegaskan bahawa M.B.B. telah banyak menyumbangkan tenaga dan pemikiran yang berfaedah terhadap pembangunan negara serta mendatangkan kesan2 yang baik kepada masyarakat bumiputera seluruh-nya.

Kata-nya, M.B.B. telah mengadakan Seminar Sharikat Kerjasama dengan bantuan Pertubuhan Belia Sa-Dunia dalam tahun 1965 dan hasil dari seminar itu telah membawa semangat kesedaran terhadap Persatuan2 Belia dalam mana dari sejak itu Sharikat Kerjasama Belia terus berkembang dengan pesat-nya di-seluruh negeri hingga sekarang.

Awang Yaakub menegaskan lagi, Kerajaan telah mengambil perhatian berat atas perniagaan bumiputera sa-hingga pada akhir2 ini telah mendatangkan sa-orang pakar perniagaan dari luar negeri bagi faedah menyiasat membuat sukonangan untuk memperbaiki sistem perniagaan bumiputera yang ada sekarang.

(Lihat Muka 8)

8 perkara penting dalam dasar pelajaran yg baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz telah menegaskan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah memperkenankan satu dasar pelajaran yang baru yang mengandungi lapan perkara penting yang di-bincangkan dalam Seminar Belia di-sesuai2kan dengan cita2, kepentingan dan perkembangan ekonomi, sosio-politik serta kedudukan rayat Brunei Darus Salam.

Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan telah berkata demikian ketika menerima satu rumusan dari lima kertas kerja yang di-bincangkan dalam Seminar Belia sa-lama dua hari yang berakhir di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan pada malam Isnin yang lalu.

Di-antara garis2 kasar dasar pelajaran yang baru itu termasuklah untuk menjadikan sa-chepat mungkin bahasa Melayu di-jadikan sa-bagai bahasa pengantar dalam sekolah2 rendah dan menengah kebangsaan di-samping meninggikan ukoran penggunaan bahasa Inggeris dalam sekolah2 rendah dan menengah.

Ia-nya juga bertujuan untuk menitek-beratkan pelajaran agama Islam sesuai dengan kehendak perlembagaan.

Dasar pelajaran baru itu juga bertujuan untuk menyediakan pelajaran sa-lama 9 tahun terus-menerus kepada semua kanak2 di-Brunei, 6 tahun di-sekolah2 rendah dan 3 tahun di-sekolah2 menengah bawah.

Di-antara garis2 kasar yang terkandung dalam dasar pelajaran baru itu ia-lah untuk menimbulkan, melalui saloran2 suatu identiti kebangsaan sa-bagai tapak pertumbuhan rasa taat setia kepada Brunei dan juga membangun kecekapan serta sifat melentor di-dalam sistem pelajaran untuk memenuhi kehendak2 pembangunan negeri ini.

Menurut sistem pelajaran baru itu, semua sekolah2 China dan Misi akhir-nya akan di-buah menjadi Sekolah Kebangsaan.

Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan selanjut-nya menekankan bahawa pada umumnya perlaksanaan dasar pelajaran ini akan mengkehendaki tinjauan jauh ke hadapan yang menchukopi dalam rancangan kesanggupan perlaksanaan dan kewangan.

Dengan sebab itu, kata-nya, untuk melaksanakan dasar pelajaran yang baru itu, satu Majlis Pelajaran akan di-bentuk yang akan

(Lihat muka 8)

Pameran Senilukis Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Timbalan Pengawal Kastam dan Bea, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar akan merasmikan Pameran Senilukis Kebangsaan Brunei Pertama 1973 di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka

pada pagi ini jam 9.00 pagi.

Sa-orang juruchapak jawatan-kuasa pameran itu berkata, lebih dari 200 buah lukisan telah di-hakimkan dan 90 buah daripadanya di-pileh untuk di-pamerkan.

Pameran itu akan di-adakan sa-hingga 29hb. Ogos dan akan dibuka dari 8.30 pagi hingga jam 9.00 malam pada tiap2 hari.



Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz ketika berucap di-majlis itu — Gambar ehsan DBP.

Sekolah China dan Misi akan di-ubah menjadi Sekolah Kebangsaan

DASAR PELAJARAN BARU— SATU LAGI SEJARAH KEMAJUAN UNTOK NEGARA DAN BANGSA

Ucapan penoh Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz di-upachara menerima rumusan dari Seminar Belia yang di-anjorkan oleh Majlis Belia2 Negeri Brunei di-Pusat Belia pada 19hb Ogos, 1973.

TERLEBEH dahulu saya ingin menyampaikan salam bahagia kepada Awang2 dan Dayang2 yang hadir di-majlis ini daripada Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, siapa, sebenarnya pada petang ini berniat hendak berangkat sa-bagaimana pehak Awang2 dan Dayang2 maksudkan tetapi oleh kerana sesuatu perkara yang terlebih dahulu Yang Amat Mulia itu telah atorkan maka niat Yang Amat Mulia itu tidak-lah dapat di-penuhi-nya dengan perasaan yang amat dukachita jua, walau bagaimana pun Yang Amat Mulia itu telah meminta supaya saya dapat mewakili beliau di-majlis ini.

Bagi diri saya walau pun pada petang yang saperti ini ada-lah satu2-nya hari kelepaan dan perehatan tetapi pada menemui maksud Awang2 dan Dayang2, apatah lagi yang di-seminarkan dalam dua hari suntok itu ada-lah merupakan perkara2 yang berkebakikan yang mengenai dengan Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun, maka ada-lah menjadi satu kehormatan kepada saya untuk sekali lagi bersama2 dengan satu kumpulan belia yang mana saya sendiri ada-lah sa-bahagian daripadanya.

Menurut fahaman saya, Seminar yang mengenai dengan Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun anjoran Majlis Belia2 Negeri Brunei ini antara lain-nya mempunyai tujuan yang asas ya'ni pada mengketengahkan atau untuk mendahirkan apa2 jua inspirasi2 dan kemahuan2 serta anggapan2 belia2 atau pemimpin belia2 dalam Rancangan Kemajuan Negara itu; dan berhubung dengan ini akan di-munchulkan pula peranan2 belia dalam pelaksanaan Rancangan Kemajuan Negara itu. Saya percaya pada mengupas, meneliti, memisi dan memikirkan aspek2 rancangan kemajuan yang berat ini beberapa fikiran2 yang berfaedah telah Awang2 dan Dayang2 timbulkan dalam jangka2 waktu yang pendek itu. Memang dua hari yang suntok itu tidak-lah dapat memupuskan apa yang di-perlukan kerana perkara2 yang luas dan kadang2 sensitif saperti ini pada lazim-nya jika di-alehkan situasi akademik yang akan memerlukan masa puluhan bulan malah bertahun-tahun untuk mencapai satu kumpulan yang boleh di-katakan munasabah, berpatutan dan praktikal. Tetapi bagi belia2 yang sentiasa mencheborkan diri-nya kepada masa'alah2 kehidupan masyarakat dan mencheborkan tenaga-nya ka-arrah penyelesaian masa'alah2 dan siku liku masyarakatnya itu tentu-lah perkara2 rancangan kemajuan pada memajukan masyarakat itu bukan-lah satu perkara yang asing kepada mereka, maka tempoh dua hari itu ada-lah satu tempoh yang berpatutan; apatah lagi perkara2 rancangan kemajuan ini seringkali di-bangkitkan dalam majlis2 dialog, dalam perbualan sa-tiap hari dan tertanam dalam semangat dan ji-

wa pemuda pemudi di-seluruh negara Brunei yang terchinta ini. Wal-hasil jika ia di-selesaikan oleh pakar akademik di-Universiti2, mereka memerlukan research itu, penelitian ini dan lain2; dengan sebab itu-lah mereka menggunakan dan memerlukan masa yang lebih panjang.

PERANAN BELIA

Beraleh kepada peranan belia2 atau pemimpin belia2 di-Negeri ini khas-nya Awang2 dan Dayang2 yang hadir pada petang ini jika di-tanya sa-pintas lalu apa-lah peranan belia2 itu atau lebih tepat peranan pemimpin belia2 dalam Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun? Jawapan saya ialah bagi kamu untuk bertugas sebagai kaki-tangan Kerajaan dengan jujur, tulus ikhlas dan amanah pada menjalankan apa jua tugas yang di-berikan; kerana dari tempisong ka-tempisong saya perhatikan pada petang ini, pemimpin2 belia ada-lah terdiri daripada kaki-tangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan; dalam Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun memerlukan tenaga2 Pegawai2 Kerajaan dari semua peringkat bawah hingga ka-atas dalam apa bidang tugas pejabat jua pun.

Sa-bagai pegawai2 ada-lah elok dan juga ia-nya menjadi tanggung-jawab Awang2 dan Dayang2 untuk menghindarkan daripada tuduhan2 yang konon-nya ada di-antara pegawai2 Kerajaan tidak mahu bertanggung-jawab, selalu menghabiskan masa di-pasar, bercherita2 di-kedai kopi dan sa-umpama-nya atau pun datang akhir ka-pejabat masing2. Jika tuduhan2 saperti ini dapat di-elakkan atau pun Awang2 dan Dayang2 mengelakkan daripada perbuatan yang boleh menimbulkan tuduhan2 saperti itu dan terus menerus menumpukan tenaga kepada apa jua tugas yang di-beri kepada Awang2 dan Dayang2 maka harapan bagi Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun yang semata2 di-niatkan untuk kebajikan rakyat dan penduduk Negeri ini insya Allah kejayaan akan dapat di-chapai dengan chemerlang. Itu-lah peranan pemimpin2 belia yang hadir pada seminar ini.

Sa-lain dari itu sa-bagai pemimpin2 belia sukarela ada-lah tanggung-jawab Awang2 dan Dayang2 bagi menyebarkan semangat Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun ia-itu semangat yang sanggup memikul apa jua mata-pencharian yang halal sama ada yang terdapat di-Pejabat2 Kerajaan maupun yang di-sektor pribet terutama sekali pertubohan2 saperti Shariat Minyak Shell, LNG, Shariat2 Perniagaan, kedai2 dan pemborong2. Sa-lagi semangat dan keperchayaan yang mata-pencharian di-sektor pribet itu di-amalkan maka sa-lagi itu raayat dan penduduk negeri ini akan di-tinggalkan oleh mereka yang mempunyai sifat2 sa-demikian. Maka dengan hal yang sa-demikian tidak-lah pupus nikmat Rancangan Kemajuan Negara itu akan dapat di-dapatkan faedah-nya oleh raayat negeri ini. Penukaran pendirian ka-arrah yang lebih berke-majuan dan dinamik itu ia-lah antara lain-nya di-letakkan dalam pimpinan Awang2 dan Dayang2 sekalian. Tidak chukop hanya dengan mengadakan Seminar, tidak chukop hanya mengatakan kesanggupan dan tidak chukop hanya dengan menghadapkan masa'alah2, tetapi Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun di-Negeri Brunei yang sama2 kita chintai ini memerlukan pemuda pemudi yang tahan losuh, yang sanggup dan berkebolehan untuk meneliti masa'alah2 yang di-hadapi dan menyelesaikan masa'alah2 itu pada peringkat kita sendiri. Peringkat Kerajaan seharusnya di-sifatkan sa-bagai ikhtiar yang penghabis pada menyelesaikan sesuatu masa'alah masyarakat.

TAHNIAH

Menyentuh laporan Seminar yang di-hadapkan kepada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang mana saya selaku wakil Kerajaan pada petang ini dari hati yang tulus ikhlas dan dengan semangat yang sangat2 mengharapukan tenaga belia2 dari seluruh pelusok tanah ayer ingin menguchapkan tahniah atas usaha pada menyusun kesimpulan2 terhadap keperluan Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun dari aspek pemikiran pemuda pemudi atau pemimpin2 belia di-negeri

ini. Saya penoh perchaya jangka waktu dua hari yang telah Awang2 dan Dayang2 lalu itu ada-lah satu jangka waktu yang sangat berfaedah dan bermanfaat kepada bangsa dan tanah ayer dan saya berharap buah2 fikiran yang di-hadapkan ka-dalam Seminar ini ada-lah sa-timbil dengan jangka waktu yang di-lalui itu. Insya Allah, segala apa jua yang tertulis dalam laporan ini akan di-teliti satu demi satu oleh Jawatan-kuasa2 yang berkaitan dan mana2 di-fikirkan munasabah dan mana2 pada upaya di-laksanakan untuk kebajikan masyarakat keseluruhannya jua maka Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak mempunyai sebarang kelikauan atau membisakan-nya. Saya harap dan penoh perchaya semangat yang ingin menyertai dalam rancangan yang saperti ini akan di-teruskan dan di-sebarkan kepada belia2 di-seluruh tanah ayer terutama sekali nanti dalam perinekat perlaksanaan Rancangan Kemajuan Negeri Lima Tahun itu.

DAYA PENGGERAK

Beraleh kepada satu tajok yang lain, Awang2 dan Dayang2 maseh ingat bahawa beberapa ketika dahulu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei ada-lah menyedari akan kepentingan pelajaran sa-bagai daya penggerak pengeluaran tenaga manusia yang terlatih untuk menuju ka-arrah perkembangan negara yang sesuai dengan chita2, kepentingan dan perkembangan ekonomi, sosio-politik serta kedudukan raayat Brunei Darus Salam. Dengan kesedaran dan hasrat untuk memberi kemudahan2 pelajaran yang sebaik2-nya dan yang sempurna kepada raayat negeri ini maka Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah menubuhkan sa-buah Surohanjaya Pelajaran pada bulan Mei, 1970 yang bertugas untuk meneliti dan menyiasat kedudukan pelajaran di-Negeri Brunei bagi faedah2 membentok satu dasar pelajaran baru yang lengkap dan sesuai dengan chita2, kepentingan dan perkembangan ekonomi, sosio-politik serta kedudukan raayat Negeri Brunei Darus Salam.

Sa-sudah mengkaji akan perjalanan2 dan kegiatan2 pelajaran di-negeri ini sejak laporan Aminuddin Baki/Paul Chang, 1959 yang telah pun di-kaji sa-mula oleh Jawatankuasa Dasar Pelajaran 1962 maka Surohanjaya Pelajaran menimbulkan satu Dasar Pelajaran yang baru yang akan mengandongi tujuan2 utama saperti berikut:

- i) Untuk menjadikan sa-chapat mungkin bahasa Melayu sa-bagai bahasa pengantar dalam Sekolah2 Rendah dan Menengah Kebangsaan sesuai dengan kehendak Perlembagaan;

(Lihat muka 4)

KELEBEHAH YANG TERDAPAT DALAM BULAN RAJAB

PADA ketika ini telah masuk dan telah berada pula kita di-bulan Rajab ia-itu salah satu bulan yang mulia. Alangkah besar-nya shukor kita kepada Allah yang telah mengurniakan usia sampai ka-bulan yang mulia ini, bulan yang berganda2 pahala amalan orang Islam, bahkan bulan dalam mana telah di-me'rajkan Nabi Muhammad s.a.w. yang tiada pernah kejadian seumpama-nya kepada siapa pun juga sa-lain kepada junjongan kita semenjak dunia terbentang.

Dengan sampai-nya usia kita hingga ka-bulan ini hendaklah kita shukori, yang mana keshukoran kita itu sa-patut-nya hendaklah di-boktikan dengan amal sa-chara perbuatan, jangan hanya dengan ucapan shukor alhamdulillah dengan lisan sahaja. Amal sa-chara perbuatan yang di-maksudkan itu ia-lah dengan melaksanakan menurut yang telah di-perintah oleh Allah dan rasul-nya, terutama sekali di-bulan yang mulia ini, bulan yang dengan kedatangan-nya do'a kaum muslimin tidak ter-tolak, sa-bagaimana menurut satu riwayat dari Abi Amamah daripada Rasulullah sallallahu alaiwasalam yang bermaksud:

"Lima malam yang tiada di-tolak do'a pada-nya, pertama do'a di-awal bulan Rajab, kedua malam nisfu Sha'aban (15 Sha'aban) ketiga malam Jumaat dan ke-empat-nya dan kelima malam dua hari raya (malam hari raya puasa dan malam hari raya haji)".

Bahkan belum cukup bagitu sahaja kita maseh ingat menurut suatu keterangan, bahawa Tuhan ada berfirman mengenai bulan Rajab dalam sa-buah hadith yang bermaksud:

"Rajab itu bulan ku, dan hamba itu ada-lah hamba ku dan rahmat itu rahmat ku dan kemuliaan itu di-tangan ku dan aku-lah yang mengampunkan kepada orang yang meminta ampun pada bulan ini dan memberikan kepada orang2 yang meminta kepada ku pada-nya".

Dengan keterangan di-atas nyata-lah bahawa bulan Rajab ini mempunyai nilai yang tersendiri, apa sahaja yang kita minta insha Allah akan di-kabulkan Allah dan apa sahaja kesalahan kita yang kita minta ampunkan, insha Allah akan di-ampunkan Allah. Yang demikian hendaklah kita mengambil peluang ke-emasan itu untuk menambah ketakwaannya kita kepada Allah supaya tiap2 petunjuk yang telah di-peroleh jiwa kita semakin gemar beramal salih dan bertambah kuat iman di-dada serta dapat-lah kita ber-

RAJAB ADA-LAH SALAH SATU BULAN YANG MULIA

waspada daripada mengerjakan perkara2 yang menjadi kemurkaan Allah. Firman Allah yang bermaksud:

"Apakah maseh menyangka mereka2 yang membuat kejahatan itu akan kami jadikan mereka seperti orang2 yang mu'min dan beramal salih? (sekali2 tidak), sama sahaja penanggungan mereka di-waktu hidup dan mati-nya. Memang-lah jahat hukuman mereka".

Oleh yang demikian, marilah kita sambut kedatangan bulan Rajab ini dengan selayak-nya dengan rasa shukor dan taubat serta beramal dengan ikhlas semata2 kerana Allah. Mari-lah kita mengingat pengajaran dari firman Allah yang bermaksud:

"Barang siapa yang melakukan kejahatan atau menganiayai akan diri-nya, kemudian dia meminta ampun kepada Allah nescaya dia di-dapati Allah ada-lah maha pengampun dan maha penyalang."

Sambutan Isra' Me'raj di-Labu

LABU, TEMBURONG. — Penduduk2 Mukim Labu, Daerah Temburong akan mengadakan sambutan Isra' dan Me'raj pada 27hb. Ogos bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Labu Estate mulai 1.30 petang.

Di-antara acara yang akan di-adakan termasuk-lah bacaan kitab suci Al-Quran dan sharahan khas mengenai Isra' dan Me'raj. Pada sebelah malam-nya pula akan di-adakan pertunjukan wayang gambar oleh Badan Penerangan Ugama Islam.

Orang ramai di-Mukim Labu dan penduduk2 di-Daerah Temburong khas-nya ada-lah di-persilakan hadir ka-majlis yang berkeabajikan itu.



GAMBAR atas menunjukkan sa-bahagian dari guru2 Ugama yang mengikuti Kursus Ulang Kaji Membaca Quran Seluruh Negeri ketika hadir di-upacara pembukaan rasmi yang telah di-adakan di-Dewan Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Anak Damit Bandar Seri Begawan baru2 ini.

Kursus sa-lama empat hari itu telah di-hadiri oleh 90 orang guru Ugama di-sekolah negeri dan telah di-rasmikan pembukaan-nya oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin.

Kursus tersebut di-anjarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama. — Gambar JHEU/BP.

Peraduan Quran di-Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Peraduan membaca Quran bagi Kawasan Belait Dua akan di-adakan di-Mesjid Jame, Seria, pada 24hb. Ogos mulai jam 8.00 malam.

Peraduan itu di-adakan untuk memilih wakil2 dari kawasan tersebut ka-peraduan membaca Quran peringkat Daerah Belait yang akan di-langsungkan di-padang KBRC, Kuala Belait pada 1hb. September depan.

Ia-nya akan di-rasmikan oleh Nazir Sekolah2 Ugama Daerah Belait, Awang Zarkashi bin Haji Mohamed Yusof

sementara hadiah2 akan di-sampaikan oleh Kadzi Daerah Belait, Abang Haji Razali bin Abang Haji Zainuddin.

Sementara itu, peraduan membaca Quran bagi kawasan Belait Satu akan di-adakan di-Mesjid Mohamed Jamalul Alam, Kuala Belait, pada 26hb. Ogos mulai jam 8.00 malam.

Orang2 dewasa yang ingin memasoki peraduan tersebut boleh mendaftarkan nama mereka dari sekarang kepada pengerusi peraduan, Imam Ag. Zainal bin Idris, di-Mesjid Mohamed Jamalul Alam.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 22hb. Ogos, 1973 hingga ka-hari Selasa 28hb. Ogos, 1973 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
22hb. Ogos	12-27	3-45	6-35	7-46	4-42	4-57	6-15
23hb. Ogos	12-27	3-45	6-35	7-46	4-42	4-57	6-15
24hb. Ogos	12-27	3-45	6-35	7-46	4-42	4-57	6-15
25hb. Ogos	12-27	3-45	6-35	7-46	4-42	4-57	6-15
26hb. Ogos	12-26	3-43	6-33	7-44	4-42	4-57	6-14
27hb. Ogos	12-26	3-43	6-33	7-44	4-42	4-57	6-14
28hb. Ogos	12-26	3-43	6-33	7-44	4-42	4-57	6-14

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-sehuroh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



(22hb. Ogos, 1973)

AMALAN JUJOR

MENINGGALKAN Pejabat dalam masa bekerja untuk urusan2 peribadi bagi Pegawai2 dan Kaki-tangan Kerajaan ada-lah di-sifatkan sa-bahagian dari perbuatan yang boleh di-ambil tindakan.

Membeli ikan ka-pasar, berbual2 di-kedai2 kopi, datang lambat ka-Pejabat dan balek awal ka-rumah, membeli tiket2 wayang dan lain2 lagi ada-lah juga di-sifatkan men-churi masa bekerja yang menyalahi peraturan2 Kerajaan. Urusan2 yang tidak ada kena mengena dengan Kerajaan yang menjadi ta'biat merupakan satu sifat yang tidak di-ingini malah satu perbuatan yang tidak jujur dan tidak bertanggung-jawab terhadap tugas.

Sa-tiap orang telah di-beri peranan masing2 dan laksanakanlah peranan itu dengan sempurna, dengan jujur, dengan semangat ingin melihat Brunei serba membangun untuk kepentingan masyarakat dan bangsa.

Ada-lah di-perchayai tidak sa-orang pun yang sanggup melihat keadaan kerja2-nya tidak 'bisai' tidak senunoh dan mereka juga tidak akan sanggup menerima tuduhan sa-bagai penchuri masa bekerja atau chuai menjalankan tugas yang menjadi petualang kelancharan pentadbiran.

Sa-belum tuduhan dari perbuatan tersebut di-limparkan kepada siapa saja yang melanggar peraturan bekerja, mereka hendak-lah waspada dan hati2 perchaya kepada diri sendiri sa-bagai orang2 yang di-amanahkan.

Tiap2 Jabatan Kerajaan ada dengan peraturan-nya sendiri bagi mengawal pegawai2 dan kaki-tangan di-Jabatan itu supaya memetohi peraturan Pejabat, umpama-nya, jangan meninggalkan Pejabat begitu lama tanpa urusan tertentu dan jangan keluar berama2 sa-hingga keadaan Pejabat menjadi kosong dan bermacham2 lagi peraturan yang kesemua-nya harus di-patohi.

Ada-lah juga di-perchayai bahawa peraturan demikian bukan-lah semata2 di-tekanan bulat2 kepada pegawai2 dan kaki-tangan yang bertugas dalam Pejabat saja bahkan juga meliputi kepada mereka yang bertugas di-luar Pejabat sebab itu, umpama-nya, di-sediakan Mandor, Overseer dan Ketua2 Bahagian yang sentiasa mengawasi sa-tiap tugas yang di-berikan kepada mereka dengan harapan kerja yang boleh siap dalam sa-minggu jangan sampai jadi sa-bulan.

Bagaimana pun apa yang perlu di-praktikkan ia-lah kejujuran dan amanah dalam bertugas, semangat dan jiwa yang ingin membangun tidak kira sama ada mereka sa-bagai Buruh halus, Kerani, Pegawai2 dan lain2 lagi hendak-lah sama2 menyumbangkan tenaga.

Pmk. Setia Usaha Kerajaan Y.B. Dato Paduka Awang Hj. Abd. Aziz dalam ucapan-nya ketika menerima rumusan seminar belia baru2 ini telah mengingatkan belia2 kerana belia2 kebanyakan-nya ada-lah terdiri dari pegawai2 Kerajaan supaya mengindahkan diri dari tuduhan demikian.

Pelaksanaan dasar pelajaran yang baru mengkehendaki tinjauan jauh ke hadapan

(Dari muka 2)

- ii) Untuk meninggikan ukoran penggunaan bahasa Inggeris dalam Sekolah2 Rendah dan Menengah di-Negeri ini;
- iii) Untuk lebeh menitek-beratkan pelajaran Ugama Islam sesuai dengan kehendak Perlembagaan;
- iv) Untuk menyediakan pelajaran sa-lama 9 tahun yang sesuai dengan kehendak Negara terus menerus kepada semua kanak2 Brunei; 6 tahun di-Sekolah2 Rendah dan 3 tahun di-Sekolah2 Menengah Bawah;
- v) Untuk memastikan, dengan menyediakan ikhtisar mata-pelajaran yang isi-nya sa-rupa, yang taraf pelajaran di-semua sekolah ada-lah sa-banding;
- vi) Untuk menjadikan pelajaran menengah dapat di-chapai oleh semua orang berdasarkan kepada kehendak2 dan kebolehan mereka;
- vii) Untuk memberikan kepada semua kanak2 Brunei segala kemungkinan peluang demi menjadikan diri mereka berguna untuk perkembangan Negara bagi memenuhi segala kehendak2 yang di-perlukan oleh negara supaya semua kehendak2 itu di-penuhi oleh rakyat Brunei sendiri; dan
- viii) Untuk menimbulkan, melalui saloran2 di-atas, suatu identiti kebangsaan sa-bagai tapak pertumbuhan rasa ta'at setia kepada Brunei, dan juga membangun kecekapan dan sifat melentor di-dalam Sistem Pelajaran untuk memenuhi kehendak2 pembangunan negeri ini.

Akan dapat di-perhatikan bahawa dengan pelaksanaan Sistem Pelajaran yang baru itu semua Sekolah2 China dan Misi akhir-nya akan di-ubah menjadi Sekolah Kebangsaan. Perkara ini tidak dapat di-elakkan dan ia-nya akan di-laksanakan sa-chara berperingkat.

Pada umum-nya pelaksanaan Dasar Pelajaran ini akan mengkehendaki tinjauan jauh ke hadapan yang mencukupi dalam rancangan kesanggupan peraksanaan dan kewangan. Dengan sebab itu untuk melaksanakan Dasar Pelajaran yang baru maka satu Majlis Pelajaran akan di-bentuk yang akan bertugas sa-bagai sa-buah majlis yang tertinggi dalam perancangan pelajaran negeri ini. Di-samping itu sa-buah Yunit Perancang, Kajian dan Bimbingan akan di-adakan dalam Jabatan Pelajaran. Yunit Perancang, Kajian dan Bimbingan Jabatan Pelajaran ini akan sentiasa bekerja rapat dengan Yunit Perancangan Ekonomi Jabatan Setia Usaha Kerajaan. Satu Bahagian Bimbingan Kerja/Bimbingan Bakat kerja akan juga di-tubuhkan yang akan merupakan satu bahagian dari Yunit Perancang, Kajian dan Bimbingan dalam Jabatan Pelajaran. Bahagian ini akan bertanggung-jawab membimbing penuntut2 di-Sekolah2 Menengah untuk menentukan jenis latehan yang akan mereka ambil untuk membolehkan mereka menjadi penyumbang yang giat dalam kemajuan Negara.

Sa-lain daripada perkara2 di-atas beberapa perubahan asas juga akan di-buat, mital-nya: Badan Kenadziran Bebas yang akan bertugas penoh masa. Satu Jawatankuasa perunding antara guru2 dan ibu bapa juga akan di-adakan dan beberapa perkara lain untuk menchapai tujuan2 dan matlamat2 Dasar Pelajaran yang baru itu.

GARIS2 KASAR

Itu-lah garis2 kasar antara isi Laporan Surohanjaya Pelajaran yang telah di-perkenankan pada keseluruhan-nya oleh kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan baru2 ini. Pada pengertian limpah kornia perkenan Baginda itu ada-lah memboktikan lagi pimpinan dan pembawaan Baginda yang berjiwa progressive semata2 untuk kebajikan rayat dan Negara Brunei Darus Salam ini. Saya penoh perchaya perlaksanaan Laporan Surohanjaya Pelajaran itu akan merupakan satu sejarah kemajuan pelajaran yang baru dan progressive yang boleh menjadi asas perkembangan ekonomi, sosio-politik masyarakat yang lebeh dinamik dan setabil. Selanjut-nya semangat dan maksud2 Laporan Surohanjaya Pelajaran itu ada-lah merupakan satu chabaran hebat kepada semua lapisan masyarakat Brunei Darus Salam. Ia-nya sa-bagai chabaran kepada ibu bapa kerana semangat perkembangan pelajaran memerlukan peranan ibu bapa yang lebeh positive dan lebeh luas serta berkesan. Masa-nya sudah sampai bagi ibu bapa bukan sahaja seharusnya hanya sa-takat ambil tahu terhadap kemajuan pelajaran anak2 mereka tetapi termasuklah pengorbanan, masa dan material sa-chara efficient terhadap kemajuan pelajaran sa-tiap hari anak2 mereka. Antara Awang2 dan Dayang2 yang hadir pada petang ini ada-lah terjumlah dalam lengkongan ibu bapa yang harus menunjukkan kesedaran yang

positive itu sa-bagai satu contoh pimpinan.

Ia-nya sa-bagai chabaran kepada belia kerana semangat rancangan kemajuan pelajaran memerlukan penukaran pendirian di-kalangan belia2 terhadap tujuan pendidikan khusus-nya pendidikan itu bukan hanya sa-takat yang terhad pada mendapatkan mata pencharian atau pekerjaan di-Jabatan2 Kerajaan tetapi sebenarnya bagi menuju ka-arrah tenaga yang efficient dan warga negara yang sempurna pada mengendalikannya satu kehidupan yang bermasharakat yang telah di-turun temurunkan chorak-nya oleh datok ne-nek moyang kita. Awang2 dan Dayang sa-chara langsung bertanggung-jawab bukan sahaja setakat mengamalkan sendiri chorak2 kehidupan itu tetapi lebeh2 lagi menyebarkan pimpinan sademikian kepada belia2 di-seluruh tanah ayer. Proses perubahan pendirian ini ada-lah lebeh effective di-kalangan darah muda, tetapi jika pemuda pemudi sendiri tidak mengamalkan-nya maka jiwa semangat yang di-harap2kan itu akan dengan sendiri-nya lumpoh.

CHABARAN

Ia-nya menjadi satu chabaran kepada masyarakat kita keseluruhannya kerana semangat dan sistem pelajaran itu memerlukan perkembangan ka-arrah satu sistem yang tunggal dan berchorak nasional; dengan tegas-nya menyingkirkan segala sistem2 yang lain itu pada masa ini sudah lama di-jalarkan. Dari satu aspek ia-nya merupakan satu pengorbanan, mital-nya pada meniadakan sekolah2 China dan lain2 sekolah sa-demikian tetapi dari segi kepentingan negara pengorbanan itu hanya-nya merupakan satu sumbangan yang kecil untuk menchapai satu kehidupan yang lebeh baik yang mengukuhkan keharmonian masyarakat, kesetabilan negara, keselamatan dan kesejahteraan semua kaum dan keagongan bangsa dan negara yang sentiasa mempunyai Raja di-dalam-nya itu. Awang2 dan Dayang2 selaku pemimpin belia mempunyai peranan dan pengaruh yang tertentu ka-arrah kehidupan yang saya sebutkan itu.

Dengan itu saya ingin berseru kepada Awang2 dan Dayang2, dan melalui Awang2 dan Dayang2 kepada semua belia2 dari seluruh pelusok tanah ayer serta kepada raayat dan penduduk Negeri ini yang terdiri dari segala kaum dan bangsa untuk sama2 memikul dan menayakan rancangan2 kemajuan pelajaran menurut maksud dan semangat Laporan Surohanjaya Pelajaran itu sa-bagai satu lagi penyertaan kita bersama pada menjunjung limpah kornia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, dengan semangat Baginda yang progressive lagi penoh dengan kebijaksanaan itu semata-mata2 demi untuk kepentingan rayat Baginda dan penduduk2 yang ikut serta berhidup di-negeri ini.

Sekali lagi saya ucapkan sebanyak2 terima kaseh kepada Awang2 dan Dayang2 dan kepada pengelola2 Seminar ini dan saya berdo'a mudah2an usaha Awang2 dan Dayang2 pada mengkisarkan buah fikiran dan pendapat melalui Seminar ini akan mendapat keberkatan jua dari Allah Subhanahu Wata'ala sa-timbal dengan niat suchi Awang2 dan Dayang2 terhadap-nya.

Peraduan menulis buku ilmu kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Md. Jamil Al-Sufri menyeru seluruh penulis tempatan untuk menayakan Peraduan Menulis Buku Ilmu Kesihatan yang telah di-anjorkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sejak awal bulan Mach, 1973.

Peraduan itu bertujuan untuk menyediakan sa-buah buku teks Ilmu Kesihatan untuk bacaan Darjah IV yang isi-nya pula disesuaikan menurut sukatan pelajaran di-negeri ini.

Si-samping itu, peraduan tersebut juga bertujuan untuk memupok tabiat dan resaman yang baik di-kalangan kanak2 dan untuk mengasoh mereka menitek-beratkan kebersehan dan kesihatan tubuh badan.

Jalanan cherita dan pechahan-nya ada di-nyatakan dalam syarat dan peraturan yang boleh di-dapati dari Setia Usaha Peraduan di-alamat Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu sa-lanjut-nya mengingatkan penulis2 tempatan bahawa peraduan tersebut akan di-tutup pada 1hb. September, 1973 dan semua karangan hendak-lah di-hantar sa-belum atau pada tarikh tersebut.

TAREK KALAT: DAERAH BRUNEI/MUARA MUNCHOL SA-BAGAI JOHAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Oskar kejohanan perengkat negeri perlawanan tarek kalat kurnia daripada D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah di-menangi oleh Daerah Brunei dan Muara yang di-wakili oleh Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, dalam perlawanan yang berlangsung di-padang besar Bandar Seri Begawan pada hari Jumaat lepas.

Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei mengalahkan pasokan Pulis Simpanan yang mewakili Daerah Belait dalam perlawanan pusingan pertama dan kedua.

Tempat ketiga di-menangi oleh pasokan Pekan Bangar yang mewakili Daerah Temburong, sa-telah pasokan tersebut mengalahkan pasokan Kampong Batang Mitus wakil Daerah Tutong dalam perlawanan pusingan pertama dan kedua.

Dalam perlawanan akhir tarek tali bahagian wanita di-Daerah Brunei dan Muara pasokan Pertiwi 'B' munchol menjadi johan dengan mengalahkan pasokan Jabatan Perubatan dan Kesihatan. Pasokan Perubatan dan Kesihatan menjadi naib johan. Tempat ketiga di-menangi oleh pasokan Pertiwi 'A' sa-telah ia-nya menewaskan pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Timbalan Pesuruhjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid.

Sambutan puja usia D.Y.M.M. di-Mukiam Bukit Sawat

KUALA BELAIT. — Penduduk2 di-Mukim Bukit Sawat, Daerah Belait, akan mengadakan perayaan sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-27 tahun pada 1hb. dan 2hb. September depan.

Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar akan merasmikan perayaan tersebut.

Beberapa acara termasuk perlawanan tarek kalat, lumba perahu dan moto sangkut dan perlawanan bola sepak akan di-adakan dalam perayaan itu.

Pada sebelah malam, berbagai persembahan akan di-pertunjukkan oleh penduduk2 di-mukim tersebut.

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM



Pasokan AMDB yang mewakili Daerah Brunei-Muara yang berjaya menjadi johan tarek kalat seluruh negeri bergambar dengan oskar dan perisai kemenangan mereka.



Pasokan PERTIWI 'A' dan 'B' yang berjaya menjadi johan dan tempat ketiga dalam perlawanan tarek kalat bahagian wanita.

Kejohanan badminton terbuka

BANDAR SERI BEGAWAN. — Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin akan menganjurkan perlawanan badminton Kejohanan Brunei yang pertama perseorangan tahun 1973. Perlawanan itu akan di-mulakan pada 8hb. September akan datang di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan.

Jenis2 perlawanan ia-lah bagi Kejohanan perseorangan lelaki senior, kejohanan bergu lelaki senior, kejohanan perseorangan lelaki junior di-bawah umur 20 tahun, kejohanan bergu lelaki junior di-bawah umur 20 tahun, permainan2 veteran kejohanan perseorangan lelaki, pemain2 veteran kejohanan bergu lelaki, kejohanan perseorangan wanita, kejohanan bergu

wanita dan kejohanan bergu pemain campuran lelaki dan wanita.

Perlawanan itu terbuka kepada rakyat Brunei yang memegang kad pengenalan biru.

Bayaran masuk perlawanan itu ia-lah \$3.00 bagi kejohanan perseorangan dan \$6.00 bagi bergu.

Borang2 masuk bertanding boleh di-dapati dari Penyalia Pusat Belia, Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Chuchu dan borang2 itu hendaklah di-kembalikan tidak lewat pada 30hb. Ogos.

Hari menhabut undi bagi kejohanan itu akan di-adakan pada pukul 4.30 petang 31hb. Ogos.

YANG Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar selaku Pengerusi Tabong Pembinaan Stadium Daerah Belait sedang menerima wang tunai sa-banyak \$146.50 daripada kelas Dewasa URT kawasan SMMA Seria dan Panaga Seria, yang di-sampaikan oleh Dyg. Dorah bte. Awg. Damit guru kelas Dewasa URT SMMA. Seria untuk derma stadium. Sedang memerhati di-tengah2 ia-lah Che'gu Tuah bin Hj. Hitam, Penyalia Pelajaran Dewasa Kawasan Seria dan Che'gu Mohd. Shah bin Imam Hj. Ahmad, Penolong G. Besar pagi dan Pengawas Menengah SMMA Seria. Gambar kiriman THS. Saman.



PEGAWAI Kebajikan Masharakat, Datin Hajjah Zaharah bte Haji Idris sedang menerima derma sa-banyak \$300.00 untuk sumbangan derma mangsa2 kebakaran di-Kampung Ayer baru2 ini yang di-sampaikan oleh Awang Mohammad bin Haji Serudin, Pegawai Pentadbir di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan (gambar kiri).

Derma tersebut ia-lah dari Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz, pegawai2 dan kakitangan di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan.

Penyampaian derma tersebut telah di-adakan di-Pejabat Kebajikan Masharakat baru2 ini dan telah di-saksikan oleh Awg. Adnan bin Masal, pegawai pentadbir di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan dan Awang Haji Ahmad bin Arshad, Pembantu Akhbar, di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan.



JAWATAN-JAWATAN KOSONG

SA-BAGAI PENJAGA ASRAMA JURURAWAT

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan Penjaga Asrama Jururawat Kerajaan, Rumah Sakit Seri Begawan Kuala Belait, Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah sekurang2-nya lulus Form III Inggeris dan keutamaan akan di-beri kepada perempuan2 yang masih bujang.
- Umor — mesti-lah lebih daripada 35 tahun.

Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman dalam hal mengurus sa-buah asrama dan mempunyai pengalaman dalam kerja menguruskan makanan bagi kaki tangan.

Tugas2:

Mengawasi kaki-tangan2 yang menginap di-asrama dan menguruskan makanan bagi lebih kurang 60 orang.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3-4 EB. 5 — \$410x20-510-540x20-660/EB/690x20-750. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalu2 yang dilantik sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Sharat2 lantikan:

Chalu2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan dilantik sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa percutaan sa-lama 6 bulan. Kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi chalu2 yang berjaya

ya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan dilantik ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh percutaan.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei. Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat

Perjawatan, Brunei.

Pemohonan2 mesti-lah di-pohonkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan siji2 tidak lewat dari 11hb. Oktober, 1973.

Di-Daerah Brunei/Muara

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuhi jawatan Pegawai Luar di-Pejabat Daerah, Brunei dan Muara.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman berkenaan kerja2 luar dan boleh membuat laporan dan rekabentuk yang mudah.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB. 4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permula-

an bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyerahkan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-pohonkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan siji2 tidak lewat dari 6hb. Oktober, 1973.

Sa-bagai Pembantu Teknik Rendah

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB. 3 — \$220x10-290/EB/300x10-350. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 mesti-lah di-penoh-

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuhi jawatan Pembantu Teknik Rendah di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran.
- Mesti-lah mempunyai pengalaman sa-lama sekurang2-nya satu tahun sa-bagai jurugagas atau mekanik.
- Keutamaan akan di-beri kepada chalu2 yang mempunyai Sijil City and Guilds atau telah lulus sesuatu Ujian Pertukangan yang di-iktiraf.

Tugas2:

Untuk memberse, memelihara dan memperbaiki alat2 kelengkapan, membantu untuk menyediakan bahan2 untuk latehan2 penuntut dan membuat tugas2 lain menurut arahan Pengetua sekolah.

Sa-bagai Penghantar Saman

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB. 3 — \$220x10-290/EB/300x10-350.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyerahkan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 17 dan 30 tahun.
 - Mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah VII Melayu.
- Keutamaan akan di-beri kepada orang2 yang tinggal di-Daerah Tutong.

Di-Sharikat Minyak Shell Brunei

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa oleh SHARIKAT MINYAK SHELL BRUNEI BERHAD bagi pemuda2 yang sesuai kelayakan-nya, raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, dan berminat untuk di-lateh sa-bagai Pengawal Trafik Udara.

Chalu2 hendak-lah lulus Sijil Pelajaran Malaysia serta mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris dan Ilmu Hisab. Dan lagi sa-baik2-nya tamat Sijil Persekolahan Tinggi atau yang sebanding dengan-nya. Juga mereka hendak-lah faham berchakap serta menulis bahasa Melayu dan Inggeris.

Pemohonan2 dengan chara bertulis, memberikan butir2 diri, rekod pelajaran serta keputusan2 peperiksaan hendak-lah di-alamatkan kepada:-

Jabatan Perancang Kaki-tangan (Pengambilan),
Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad,
Seria,
Negeri Brunei.

Pada sa-orang2 surat hendak-lah di-tulis — "SULIT — PELATEH KAWALAN TRAFIK UDARA".

KENYATAAN TAWARAN

— JABATAN PELAJARAN

Tawaran akan di-terima oleh Pegerusi Lembaga Tawaran di-Pejabat Kewangan Negara Bandar Seri Brunei tidak lewat daripada hari Isnin, 3hb. September 1973 untuk menguruskan sa-buah TUCK-SHOP di-Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara, Brunei.

Pemborong yang berjaya mesti-lah membayar segala tuntutan bayaran tetap sa-banyak \$50.00 sa-bulan sa-bagai penggunaan tempat tersebut.

Pemborong yang berjaya mesti-lah membayar segala tuntutan bayaran gas, ayer dan letrik.

Segala alat perkakas yang digunakan untuk menjalankan tuck-shop itu hendak-lah di-sediakan oleh pemborong itu sendiri.

Tawaran ini akan berjalan sa-lama dua tahun mulai dari tarikh perjanjian di-tanda-tangani.

Tawaran hendak-lah di-masokan di-dalam sampul surat yang tertutup, di-alamatkan kepada seperti para 1 dan di-tanda dengan terang PELAJARAN — TUCK-SHOP SEKOLAH. (Education School Tuck-Shop).

Tiada ada tanda menunjukan nama penawar di-atas sampul surat itu. Tawaran yang di-alamatkan tidak betul, tidak akan di-layan.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang rendah atau pun sebarang tawaran.

PEMBANTU PERTANIAN RENDAH

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantik sa-bagai Pembantu Pertanian Rendah di-Jabatan Pertanian, Brunei.

Kelayakan2:

- Chalu2 mesti-lah berumur antara 18 dan 25 tahun dan lulus peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau pun mempunyai sijil daripada sa-buah Sekolah Pertanian yang di-iktiraf.
- Mereka mesti-lah boleh bertutur dalam bahasa Melayu.
- Mempunyai pengetahuan Ba-Inggeris merupakan satu ke-lebihan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2 EB.

3-4 — \$230x10-290—15-380/EB/410x20-510-540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Tugas2:

Chalu2 yang di-pileh akan di-kehendaki menjalani latehan. Tugas2 jawatan ini terutama-nya ialah mengenai perkembangan dan kemajuan kaum tani. Chalu2 mungkin di-kehendaki pergi kawasan2 pendalaman.

Pemohonan2 mesti-lah di-pohonkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan siji2 tidak lewat dari 2hb. Oktober, 1973.

Sa-bagai Tukang

Kebun

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuhi jawatan Tukang Kebun di-Pejabat Daerah, Tutong.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang tinggal dalam Daerah ini.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur antara 18 dan 30 tahun dan tahu menulis dan membaca.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.1. EB. 2 — \$180x5-195/EB/200x5-215.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 15hb. Oktober, 1973.

**MENDERMA-LAH KAPADA
TABONG PEMBINAAN STADIUM**

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

DI-JABATAN HAL EHWAL UGAMA

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwai Ugama, Brunei.

- IMAM (1 jawatan) — Bagi Mesjid Kampong Kupang, Tutong.
(1 jawatan) — Bagi Mesjid Kampong Sinaut, Tutong.
(1 jawatan) — Bagi Mesjid Kampong Menengah, Tutong.
- MERBUT (2 jawatan) — Bagi Mesjid Hassanul Bol-kiah, Tutong.
- BILAL (2 jawatan) — Bagi Mesjid Setia Ali, Muara.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid yang berkenaan.

Kelayakan2:

a) Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun dan mahir dalam membaca Al-Quran dan mengetahui rukun2 Islam. Mereka mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwai Ugama, Brunei.

b) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Keparah bila2 masa di-kehendaki.

Gaji:

Dalam sukatan gaji ada-lah seperti berikut:-

Jawatan IMAM — U.4 — \$280x10-390-410x10-560.

Jawatan BILAL — U.2 — \$220x10-390-410x10-430.

Pemeriksa

Tanaman

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Pemeriksa Tanaman di-Jabatan Pertanian, Brunei.

Kelayakan2:

- Chalun2 hendak-lah sebaik2-nya berumur antara 20 hingga 30 tahun. Mesti-lah mempunyai Sijil Persekolahan Cambridge dengan mendapat kepujian (credit) dalam Sains 'Am atau mempunyai kelayakan yang sebanding.
- Mesti-lah tahu menulis dan bertutur dalam bahasa Melayu.
- Mesti-lah sanggup untuk bertugas di-mana2 tempat di-dalam negeri.

Tugas2:

Sa-telah di-beri latehan permulaan chalun2 yang di-lantek akan mempunyai tanggung jawab untuk mengesan, memeriksa dan merawat semua tumbuhan, bahan2 tanaman dan biji2an yang akan di-bawa masuk di-pelabohan2 dan lapangan-terbang di-dalam Negeri Brunei menurut arahan Ahli Kaji Penyakit Tumbuhan. Lain2 tugas ada-lah menurut sa-bagaimana yang di-arahkan oleh Ahli Kaji Penyakit Tumbuhan. Chalun2 yang di-lantek ka-perjawatan tetap mungkin di-kehendaki menjalan-lan latehan lanjut di-Brunei atau di-sebarang laut.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2 EB.3 — \$230x10-290x15-380/EB/410x20-510. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 8hb. Oktober, 1973.

Jawatan MERBUT — U.1 — \$190x5-230-240-10-270.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 13hb. Oktober, 1973.

Di-Daerah Tutong

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Pegawai Luar di-Pejabat Daerah, Tutong.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II atau yang sebanding dengan-nya. Mereka hendak-lah mengetahui sa-banyak sedikit mengenai kampong2 di-pendalaman dan sanggup untuk bertugas di-kawasan2 pendalaman.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB. 4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2

dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 6hb. Oktober, 1973.

KENYATAAN PEGAWAI PENGUASA WARITH

SURAT KUASA PESAKA

No. 17/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Idris bin Burut, d/a. Pejabat Laut, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Burut bin Lampong @ Burot yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 30 haribulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki, hadir dan menyaksikan perbincangan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 16 haribulan Ogos, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 18/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Rasiah, bte Sulai, d/a. Kampong Keriam, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Kundin bin Jait yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 30 haribulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki, hadir dan menyaksikan perbincangan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 16 haribulan Ogos, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 19/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Abdul Rahman bin Kuda, @ Burut bin Orum, d/a. Kampong Telisai, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Orum bin Limpar yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan se-

bab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 30 haribulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki, hadir dan menyaksikan perbincangan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 16 haribulan Ogos, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 20/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Luar bin Agap, d/a. Kampong Layong, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Agap bin Uyok @ Tagap yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 30 haribulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki, hadir dan menyaksikan perbincangan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 16 haribulan Ogos, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 22/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Lee Pai Wah d/a. Kampong Kiudang, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Lee Su @ Lee Ah Siew yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 30 haribulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki, hadir dan menyaksikan perbincangan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 16 haribulan Ogos, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 23/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Tanau bin Sanai, d/a. Kampong Nong Mayan Bukit, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Sanai bin Galis yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 30 haribulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki, hadir dan menyaksikan perbincangan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 16 haribulan Ogos, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 24/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Chang Hing @ Yong Pin Chin, d/a. Kampong Pengkalang Ra'an, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Yong Ah Sin yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 30 haribulan Ogos, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki, hadir dan menyaksikan perbincangan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Beangnusa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 16 haribulan Ogos, 1973.

ALI BIN MOHD. DAUD

Tim. Pegawai Penguasa Warith, Negeri Brunei.

MAJLIS TERTINGGI DALAM PERANCHANGAN PELAJARAN AKAN DI-BENTOK

(Dari muka 1)

bertugas sa-bagai sa-buah Majlis yang tertinggi dalam peranchangan pelajaran negeri ini.

Di-samping itu sa-buah unit peranchang, kajian dan bimbingan akan di-adakan dalam Jabatan Pelajaran. Unit peranchang, kajian dan bimbingan Jabatan Pelajaran ini akan sentiasa bekerja rapat dengan Unit Peranchang Ekonomi di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan.

Menurut Yang Berhormat itu, satu bahagian bimbingan kerjaya-bimbingan, bakat-kerja akan juga di-tubuhkan yang akan merupakan satu bahagian dari Unit peranchang, kajian dan bimbingan dalam Jabatan Pelajaran.

Bahagian itu akan bertanggung-jawab membimbing penuntut2 di-sekolah2 menengah untuk menentukan jenis latehan yang akan mereka ambil untuk membolehkan mereka menjadi penyumbang yang giat dalam kemajuan negara.

Yang Bernormat menamoi, sa-lain daripada perkara tersebut berapa perusahaannya akan di-buat seperti badan Kenadziran becas yang akan bertugas sa-penoh masa dan penubuhan satu jawatankuasa perunding antara guru2 dan ibu bapa untuk mencapai tujuan2 dan matlamat2 dasar pelajaran yang baru itu.

Yang Berhormat itu percaya pertaksanaan aporan Suhojanjaya Pelajaran itu akan merupakan satu sejaran kemajuan pelajaran yang baru dan progressive yang boleh menjadi asas perkembangan ekonomi, sosio-politik masyarakat yang lebeh dinamik dan setabil. Ia-nya juga merupakan satu chabaran hebat kepada semua lapisan masyarakat Brunei, khas-nya ibu-bapa memegang peranan yang positif dan lebeh luas atas semangat kesedaran perkembangan pelajaran mengikut dasar yang baru itu.

Semangat ranchangan kemajuan pelajaran itu kata-nya, ada-lah juga memerlukan penukaran pendirian di-kalangan belia2 terhadap tujuan pendidikan yang bukan hanya sa-takat pada mendaftarkan mata pencharian atau pekerjaan di-jabatan2 kerajaan tetapi juga bertujuan untuk menuju kaarah tenaga yang efficient dan warga negara yang sempurna.

Pada keseluruhan-nya, kata belia2, perubahan itu ada-lah menjadi satu chabaran kepada masyarakat kerana semangat dan sistem pelajaran itu memerlukan perkembangan ka-arah satu sistem yang tunggal dan berchorak nasional.

Ini ada-lah untuk mencapai satu kehidupan yang lebeh baik yang mengukuhkan keharmonian masyarakat, kesetabilan negara, keselamatan dan kesejahteraan semua kaum dan keagongan bangsa dan negara yang sentiasa mempunyai Raja di-dalam-nya.

Yang Berhormat itu menyeru belia2, rakyat dan penduduk yang terdiri dari segala kaum dan bangsa di-negeri ini supaya sama2 memikul dan menjayakan ranchangan2 kemajuan pelajaran menurut semangat Laporan Suhojanjaya Pelajaran itu.

Kata-nya, ini ada-lah merupakan penyertaan kita bersama pada menjunjung limpah kornia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang bersemangat progressive lagi penuh dengan kebijaksanaan semata2 demi kepentingan rakyat Baginda

dan penduduk2 yang ikut serta berhidup di-negeri ini.

Yang Berhormat itu memberikan tahniah dan penghargaan atas daya-usaha belia pada mengadakan seminar yang berfaedah terhadap keperluan Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun dari aspek pemikiran mereka.

Rumusan2 dari hasil seminar itu akan di-teliti oleh Jawatankuasa yang berkenaan dan mana2 yang di-fikirkan munasabah, maka Kerajaan tidak mempunyai kelikauan untuk membaikannya.

Terdahulu sa-belum itu, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz telah menekankan bahawa peranan belia2 dalam Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun yang baru ia-lah bersikap jujur, tulus ikhlas dan amanah pada menjalankan apa jua tugas yang di-berikan.

Kata-nya, belia2 yang terdiri dari kakitangan kerajaan kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendak-lah menghindarkan daripada tuduhan yang kononnya ada di-antara pegawai2 kerajaan tidak mahu bertanggung jawab, selalu menghabiskan masa di-pasar, bercherita di-kedai2 kopi dan datang lambat ka-pejabat.

Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan mengharap-kan, tuduhan2 dari perbuatan2 itu hendak-lah di-elakkan dan mereka hendak-lah terus menerus menumpukan tenaga kepada apa jua tugas yang di-berikan.

Kata-nya, sa-bagai pemimpin belia, sukarela ada-lah tanggung-jawab mereka menyibarkan semangat Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun ia-itu semangat yang sanggup memikul apa jua mata pencharian yang halal sama ada di-pejabat2 kerajaan



Setia Usaha MBB, Awg. Yaakub berucap sa-belum merasmikan Seminar Belia pada hari Sabtu lepas.

an, di-sektor2 persendirian terutama sekali pertubuhan2 seperti Sharikat Minyak Shell, LNG, sharikat perniagaan, kedai2 dan pemborong2.

Yang Berhormat Dato Paduka, Awang Haji Abdul Aziz sa-lanjutnya menekankan, sa-lagi semangat dan keperchayaan yang mata pencharian di-sektor2 persendirian itu di-amalkan maka sa-lagi itu rakyat dan penduduk di-negeri ini akan di-tinggalkan oleh mereka yang mempunyai sifat2 sa-demi-kan.

Berthabit dengan perkara itu, Yang Berhormat menggesa belia2 supaya menukar sikap dan pendirian kepada perkara2 yang lebeh berkemajuan dan dinamik sa-bagai belia2 yang tahan lusuh yang sanggup dan berkebolehan untuk meneliti masaalah2 yang di-hadapi dan menyelesaikannya di-peringkat kita sendiri.

Peringkat kerajaan, kata-nya, seharusnya di-sifatkan sa-bagai ikhtiar yang menghabiskan pada menyelesaikan sa-suatu masaalah masyarakat.

Masaalah penganggoran belia

(Dari muka 1)

sosial, ekonomi dan potensi2 yang boleh belia2 mainkan untuk pembangunan dan mencuba untuk menghuraikan satu fahaman dan asas pemilihan baru bahawa sosial, ekonomi dan kebudayaan dengan pelajaran dan politik negeri tidak boleh di-pisahkan daripada pergerakan belia.

Seminar itu antara lain akan mencuba menghuraikan dan menyelesaikan masalah penganggoran di-kalangan belia serta mencuba menyelesaikan sudut mustahak yang di-hadapai oleh belia dalam konteks kegiatan pergerakan ekonomi dan sosial untuk pembangunan negara.

Lima orang anak Brunei yang memileki berbagai ijazah telah membuat kertas kerja yang di-bincangkan dalam seminar sa-lama dua hari itu dan rumusan2 telah pun di-serahkan kepada Kerajaan.

Yang Di-Pertua MBB telah mengucapkan terima kasih kerana seminar itu mendapat suksong moral dan material dari Kerajaan dan ucapan terima kasih yang sa-tinggi2-nya juga di-sampaikan kepada Yang Berhormat Pmk. Setia Usaha Kerajaan bagi pehak Yang Amat Berhormat Pmk. Menteri Besar yang telah menerima rumusan seminar itu.

Akhir-nya Yang Di-Pertua MBB itu mengharapkan belia2 yang mewakili zaman-nya sa-bagai ejen

perubahan masyarakat yang rindu kepada perdamaian, rindu kepada keamanan, rindu kepada kemakmoran supaya mencapai satu masyarakat yang bersatu padu dan kukuh.

Dalam kerinduan itu, kata-nya, belia2 dahagakan latehan dan pimpinan serta belia2 akan terus bersedia untuk membangun dan bertugas untuk kemakmoran negeri sa-bagai mana yang di-titahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Memperbaiki sistem perniagaan bumiputera

(Dari Muka 1)

Terdahulu sa-belum itu, Pegerusi Seminar, Awang Yahya bin Haji Ibrahim antara lain telah menegaskan bahawa Seminar itu di-adakan bertujuan untuk memikirkan dan membincangkan peranan belia dalam ranchangan Kemajuan Lima Tahun Negara yang baru.

Awang Yahya berharap seminar itu akan berjaya memberikan satu rupa bentuk pemikiran yang sehat dan membangun tentang peranan belia dalam pembangunan masyarakat Brunei yang ada sekarang.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada penulis2 kertas kerja seminar itu dan perwakilan belia yang hadir dalam se-

KERJASAMA PEMBORONG2 MEMBERSEH TAPAK STADIUM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu perjumpaan telah di-adakan di-Dewan Bahasa dan Pustaka Bandar Seri Begawan pada minggu lepas di-antara pehak Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium, ia-itu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, selaku Setia Usaha Agong, dan Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awg. Haji Talib bin Derwish, dengan pehak pemborong2 yang mempunyai jentera2, yang di-ketuai oleh Yang Di-Mulikan Pehin Kapitan China Awang Lim Teck Ho, Awg. Chua Min Chu dari pehak Sweet Constructions, Awang Yong Sok dari Yong Sok Construction Company Saria, yang di-punyai sendiri, Awang Lim Chin Thien dari pehak Yu Lian Development Sendirian Berhad, dan Awang Fung Fook Choon sa-bagai wakil-nya sendiri.

Tatkala Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Mohd. Jamil Al-Sufri memberikan penerangan mengenai dengan membersehan kawasan tapak Stadium, pehak pemborong2 yang di-sebutkan, telah memberikan kesanggupan untuk memberikan kerjasama bagi membersehan tapak pembinaan stadium itu, sa-bagai menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, sa-bagai satu sumbangan taat setia mereka kepada Kerajaan Baginda. Pekerjaan tersebut akan di-mulakan sa-baik2 sahaja kawasan itu di-pereksa oleh pehak yang berkenaan, yang akan di-atorkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talib bin Derwish.

Di-atas sambutan mereka itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja sangat2 mengucapkan terima kasih dan memberikan penghargaan yang sa-tinggi2-nya di-atas semangat mereka yang sentiasa menjunjung titah dengan tulus ikhlas, dan memberikan kerjasama itu. Ini ada-lah satu contoh yang baik dan patut menjadi ikutan kepada pehak perniagaan2 yang lain.

minar itu.

Penulis2 Kertas Kerja Seminar itu ia-lah Awang Ahmad bin Haji Jumat, Awang Haji Abdul Aziz Juned, Awang Selamat bin Munap, Awang Abdul Razak bin Mohamad dan Awang Abdul Rahman bin Haji Karim.

Seminar itu telah di-hadiri oleh lebeh 100 orang perwakilan belia dari seluruh negeri. Rumusan dari seminar itu telah di-sampaikan kepada Pemangku Setia Usaha Kerajaan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz sa-bagai wakil Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail.